

**Ekopelancongan
tarikan
ke Pahang**

Kuantan: Kerajaan negeri menjadikan ekopelancongan sebagai tarikan utama dalam mempromosikan produk pelancongan di negeri ini sempena kempen Tahun Melawat Pahang 2017.



Raja Norain Hidayah
Raja Abdul Aziz
rnorain@hmetro.com.my

Kuantan

Kebilat seorang wanita warga emas beratur menunggu giliran untuk meluncur air dalam acara 'Slide The City' di Bandar Indera Mahkota, di sini, kelmarin, mencuri perhatian.

Mana tidaknya, dengan berambut serba putih dan keadaan fizikalnya tidak 'segagah' orang lain membuatkan pengunjung memandang dua kali ke arah Teck Ai, 80, malah tidak kurang juga mengagumiinya.

Namun, bagi wanita berusia hampir satu abad itu, dia tidak kisah pandangan orang lain sebaliknya mahu menikmati keseronokan bersama cucunya, Phang Kar Ying, 20, walaupun usianya lanjut.

Katanya, itu bukan pengalaman kali pertama kerana dia pernah menyertai acara itu di Putrajaya pada Disember tahun lalu dan sebaik dimaklumkan ia diadakan di bandar ini, dia tidak mahu melepaskan peluang itu.

"Saya teruja menyertai acara ini kerana ia seronok, lagi pun pihak pengajar tidak meletakkan had umur maksimum jadi selagi mampu saya melakukan slide (luncur air) ini."

"Ketika (usia) muda saya tidak berpeluang menyertai acara seperti ini, jadi saya mahu menebusnya dan mahu merasai keseronokan sendiri," katanya, di sini, kelmarin.

Sementara itu, penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) Nurul Shariena Othman, 22, berkata walaupun beratur untuk mendapatkan giliran meluncur hambar satu jam namun ia tidak membantunkan keterujaan-

Nenek pun teruja

■ Warga emas tak mahu lepas peluang sertai Slide The City

SHARKAR bersama sebahagian peserta pada majlis perasmian Slide The City di Bandar Indera Mahkota.



nya.

Katanya, dia datang bersama empat lagi rakan se-awal jam 10.30 pagi dan tidak menghiraukan keadaan hujan renyah ketika itu.

"Pengalaman sangat mengujukan dan mencabar berbanding aktiviti meluncur air yang pernah saya serta sebelum ini, malah ia menyeronokkan apabila saya melihat pemandangan luar ketika meluncur."


"Dari segi pemakaian pula tidak timbul masalah kerana pihak pengajar menetapkan larangan memakai bikini," katanya.

Slide The City menyediakan gelongsor air sepanjang

304.8 meter dengan tiga lorong pastinya memberi peluang kepada pengunjung merasai keunikan dan keseronokan meluncur di tengah bandar.

Acara itu sebelum itu pernah diadakan di Putrajaya pada Disember tahun lalu dan Taman Botanikal Ayer Keroh, Melaka, pada 14 Mei lalu.

Ia bagaimanapun menda- pat pelbagai reaksi selepas tersebar di laman sosial Facebook meminta orang ramai memboikot pengaju- ran itu atas dakwaan me- wajibkan penggunaan baju renang selain menyebabkan kesesakan jalan raya.



PESERTA menikmati Slide The City di Bandar Indera Mahkota.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang Datuk Seri Mohd Shamsudin berkata, isu berkenaan tidak sepatutnya timbul kerana kerajaan negeri menetapkan beberapa syarat kepada pihak pengajar termasuk larangan

membantunkan keterujaan-

memakai bikini. Beliau berkata, bagaimanapun pihaknya bercadang memasukkan seorang wakil daripada pejabat agama dalam merancang setiap program pelancongan dan rekreasi bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa depan.